

Headline	Realiti pahit graduan tiada pengalaman		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	07 Oct 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	12	ArticleSize	483 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,027
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	PR Value	RM 57,082
Frequency	Daily		



Realiti pahit graduan tiada pengalaman

■ **SLIM persiap bekas penuntut UiTM jadi pekerja terlatih**

Mohd Husni Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Pelbagai siri temu duga dilaluinya selepas tamat pengajian di universiti, namun terpaksa akur permohonan kerja ditolak dengan alasan tiada pengalaman.

Itu kisah pahit dikongsi lepasan Ijazah Pengurusan Pejabat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Muhammad Mahfudz Mohammad Yusuf, 24, yang terpaksa bergelut untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian sekitar dua tahun lalu.

Mengakui sukar untuk mendapatkan pekerjaan ketika itu, Muhammad Mahfudz kini sudah mampu tersenyum dan bersyukur kerana keputusannya menyertai Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) di TH Plantations Bhd (TH Plantations) membantu merubah masa depannya.

Lepasan graduan berasal dari Alor Setar, Kedah itu kini sudah boleh mencorak masa depannya apabila ditawarkan jawatan tetap sebagai Eksekutif (Insurans) di TH Plantations sejak Oktober tahun lalu selepas enam bulan menjalani SLIM di anak syarikat penuh Tabung Haji (TH) itu.

Muhammad Mahfudz berbincang, dia ditempatkan di Unit Insurans, Bahagian Ladang dan Pentadbiran sepanjang skim latihan itu langsung tidak mempunyai ilmu mengenai insurans.

Beliau berkata, biarpun tidak mempunyai asas dalam bidang insurans, namun menganggap ia sebagai satu cabaran.

"Saya terpaksa mempelajari ilmu insurans sepanjang tempoh latihan itu dan berjaya menguasainya dalam

masa singkat.

"Saya juga meraih pengalaman pekerjaan yang sebenar dalam tempoh latihan itu di mana saya diarahkan untuk membincangkan kontrak perlindungan insurans bagi 8,000 kakitangan dan ahli keluarga TH Plantations," katanya ketika dimintai.

Katanya, dia berjaya menyelesaikan kontrak insurans berkenaan biarpun ketika itu hanya bergelar pelatih SLIM.

Muhammad Mahfudz berterima kasih kepada SLIM kerana membantu menyediakan dirinya sebagai seorang pekerja yang berkeyakinan tinggi dan kreatif dalam membuat keputusan.

"SLIM membantu menyediakan pelatih untuk berdepan dengan pekerjaan selain membantu graduan menganggur meningkatkan tahap keupayaan diri

tahap keupayaan diri dengan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja, seterusnya meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan," katanya.

Sementara itu, B Basker, 34, berterima kasih kepada SLIM kerana peluang latihan yang diberikan membolehkannya mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Menurutnya, sebelum ini, dia bekerja sebagai juruteknik di beberapa kilang sebelum diberhentikan kerana kilangnya terpaksa ditutup.

"Saya menganggur selama enam tahun sebelum membuat keputusan menyertai SLIM di Telekom Malaysia Bhd (TM)," katanya yang kini bertugas sebagai Penolong Pengurus (Teknologi dan Perkongsian) di TM sejak dua tahun lalu.

"SLIM membantu menyediakan pelatih untuk berdepan dengan pekerjaan selain membantu graduan menganggur meningkatkan tahap keupayaan diri

Muhammad Mahfudz



Headline	Realiti pahit graduan tiada pengalaman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	12	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	483 cm ²
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 19,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,082



BASKER

Headline	Realiti pahit graduan tiada pengalaman		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	07 Oct 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	12	ArticleSize	483 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,027
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	PR Value	RM 57,082
Frequency	Daily		



DR Rahamat (dua dari kiri) bersama Ketua Sekretariat SLIM, Norashikin Ismail (kiri) beramah mesra dengan Pegawai Sekretariat SLIM di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.